

21 SEP 2002

Bajet-MTUC

MAJIKAN PERLU AGRESIF LATIH SEMULA PEKERJA, KATA MTUC

PETALING JAYA, 21 Sept (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini mengesa majikan supaya mengambil kesempatan daripada usaha agresif kerajaan untuk meningkatkan kualiti tenaga mahir negara.

Presidennya Senator Zainal Rampak berkata dengan peruntukan RM1.62 bilion yang disediakan dalam Bajet 2003, pihak majikan tidak boleh lagi memberi alasan ketiadaan dana melatih semula pekerja tempatan.

"Dengan adanya peruntukan yang begitu besar, kementerian harus menyediakan pelan tindakan, pelan latihan yang begitu agresif dan pihak majikan harus mengambil kesempatan ini," katanya selepas merasmikan mesyuarat tahunan ke-11 Kesatuan Pekerja-pekerja Airod di Subang dekat sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pembentangan Bajet 2003 di Dewan Rakyat semalam, mengumumkan peruntukan RM1.62 bilion untuk usaha menambah bilangan dan kualiti tenaga mahir.

Kementerian Sumber Manusia mendapat peruntukan RM621 juta bagi melaksana dan mengurus 29 projek Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Kemahiran dengan kapasiti seramai 18,200 pelatih.

Zainal berkata pihak kesatuan berminat melihat peruntukan kepada Kementerian Sumber Manusia itu digunakan dalam masa setahun untuk melatih pekerja.

Katanya, Kementerian Sumber Manusia mempunyai masa selama empat bulan mulai semalam untuk membuat perancangan bagaimana wang tersebut akan dibelanjakan.

Dengan adanya peruntukan yang besar itu, katanya, MTUC tidak mahu mendengar lagi karenah majikan kononnya tidak wujudnya peruntukan untuk melatih semula pekerja.

-- BERNAMA

YBK AZZ MOZ